

MAHATHIR-ASEAN

1978

KUALA LUMPUR, 11 DIS. (BERNAMA) -- PROJEK BAJA UREA UNTUK MALAYSIA DAN INDONESIA AKAN DIBINCANG UNTUK DILAKSANAKAN DI PERSIDANGAN TIGA HARI PARA MENTERI EKONOMI ASEAN DI SINI MULAI KHAMIS INI.

TIMBALAN PERDANA MENTERI YANG JUGA MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA, KAJIAN KEMUNGKINAN PROJEK ITU TELAH PUN SELESAI DAN SEMUA BUTIR-BUTIR KETERANGAN MENGENAINYA AKAN DIBINCANG UNTUK DITERIMA OLEH KELIMA-LIMA NEGARA ANGGOTA PERTUBUHAN ITU.

BELIAU BERKATA DEMIKIAN KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS MENERIMA KUNJUNGAN ROMBONGAN AHLI-AHLI SENET DARI TURKI DI PEJABATNYA DI SINI HARI INI.

DUA PROJEK UREA ITU ADALAH SEBAHAGIAN DARI LIMA PROJEK TAMBAHAN PERINDUSTRIAN BERHARGA SEJUMLAH \$2.3 RIBU JUTA, DIMANA JEPUN TELAH BERSETUJU MEMBIAYAINYA.

ADALAH DIFAHAMKAN KAJIAN KEMUNGKINAN BAGI PROJEK-PROJEK LAIN MASIH BELUM SELESAI. -- BERSAMBUNG 1510/AI

EE

1534

MAHATHIR-ASEAN 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR AKAN MENGETUAI PERWAKILAN MALAYSIA KE PERSIDANGAN MENTERI-MENTERI EKONOMI ASEAN ITU NANTI.

LAIN-LAIN ANGGOTA PERWAKILAN TERMASUK MENTERI PERUSAHAAN UTAMA, ENCIK PAUL LEONG DAN MENTERI PENGANGKUTAN, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA, TIAP-TIAP SATU DARI KELIMA NEGARA ANGGOTA AKAN MENAWARKAN 100 BAHAN TAMBAHAN UNTUK KEISTIMEWAAN DAGANGAN.

PADA MASA INI, SEJUMLAH 826 BARANG KELUARAN ASEAN MENDAPAT KEISTIMEWAAN DAGANGAN DI BAWAH PERJANJIAN KEISTIMEWAAN DAGANGAN.

MENYENTUH TENTANG PERTEMUANNYA DENGAN AHLI-AHLI ROMBONGAN SENET TURKI ITU, TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA, MEREKA TELAH MEMBINCANGKAN SOAL MENGADAKAN HUBUNGAN PERDAGANGAN SECARA LANGSUNG, TERMASUK PEMBELIAN MINYAK KELAPA SAWIT TERUS DARI MALAYSIA. -- BERNAMA 1512/AI